

SYARAT-SYARAT AM (Perlu ditulis disetiap pelan pertapakan)

1. Mematuhi pelan pertapakan bil. ....
2. 'Platform level' tapak bangunan hendaklah tertakluk kepada Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Bangunan, MPT.
3. Sistem perparitan cadangan hendaklah disambungkan dan disalurkan ke sistem perparitan yang sediaada. (Rujuk kepada Jabatan Kejuruteraan, MPT)
4. Mematuhi Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).
5. Mematuhi semua kehendak dan polisi jabatan-jabatan teknikal.
6. Tanda pancang hendaklah disediakan oleh perunding / jurukur berlesen sebelum bangunan dibina.
7. Nombor kebenaran merancang hendaklah dicatitkan dan dipamerkan di atas papan tanda pembinaan.
8. Sebarang pemajuan tidak dibenarkan sebelum pelan pembangunan diluluskan.
9. Kelulusan kebenaran merancang ini diberikan dalam tempoh dua belas (12) bulan mulai .....hingga.....(Seksyen 24 Akta 172).
10. Sesuatu kebenaran merancang akan luput apabila Borang B (UBBL) dikemukakan dan pemajuan telah dimulakan atau tamat tempoh kebenaran merancang.
11. Perlanjutan kebenaran merancang hendaklah dikemukakan 3 bulan sebelum tamat tempoh.
12. Rayuan boleh dibuat kepada Lembaga Rayuan Negeri Perak seperti alamat di bawah dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh keputusan ini dikeluarkan (Seksyen 23 Akta 172).

**Pendaftar,  
Lembaga Rayuan Negeri Perak,  
d/a: Jabatan Perancang Bandar dan Desa Perak Darul  
Ridzuan,  
Tingkat 7, Kompleks Pejabat Kerajaan,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.**

## SYARAT-SYARAT KHAS (mengikut jenis pembangunan)

### A. PEMBANGUNAN BERCAMPUR / SKIM

1. Menepati semua syarat kelulusan Pelan Susunatur terdahulu mengikut pelan bernombor .....yang telah diluluskan pada.....
2. Menepati Pelan Pinta Ukur Bil..... yang telah diluluskan pada.....
3. Pokok-pokok teduhan, andangan, renik dan rumput hendaklah ditanam di bahu-bahu jalan dan kawasan lot.
4. Ruang tempat letak kereta hendaklah disediakan mengikut Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kenderaan Majlis 1990 sebanyak .....unit.

### B. RUMAH KEDIAMAN SESEBUAH

1. Pokok-pokok teduhan, andangan, renik dan rumput hendaklah ditanam di bahu-bahu jalan dan kawasan lot.
2. Majlis tidak bertanggungjawab menyediakan kemudahan infrastruktur bagi kawasan-kawasan yang tidak dikenakan wang sumbangan.

### C. KEDAI 3 TINGKAT KE ATAS

1. Ruang tempat letak kereta hendaklah disediakan mengikut Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kenderaan Majlis 1990 sebanyak ..... unit .
2. Tidak dibenarkan kenderaan diletakkan atau disimpan dibahu-bahu jalan.

### D. KEDAI 2 TINGKAT KE BAWAH

1. Tidak dibenarkan kenderaan diletakkan atau disimpan dibahu-bahu jalan.

E. **INDUSTRI**

1. Ruang tempat letak kenderaan hendaklah disediakan mengikut Undang-undang Kecil Tempat Letak Kereta Majlis 1990.
2. Pokok-pokok teduhan, andangan, renik dan rumput hendaklah ditanam di bahu-bahu jalan dan kawasan lot.
3. Pembuangan sisa toksid dan effluent kilang hendaklah diurus dan dikawal dengan sempurna, pembuangan melalui sistem perparitan sediada tidak dibenarkan.
4. Kaedah-kaedah 'Good House Keeping' hendaklah diamalkan.
5. Kawalan Mutu Alam Sekitar hendaklah menepati Akta Kualiti Alam Sekeliling (Akta 127 – Jabatan Alam Sekitar)

F. **KEDAI 2 TINGKAT DAN KE BAWAH (DALAM ZON WARISAN)**

1. Ruang tempat letak kereta hendaklah disediakan mengikut Undang-Undang Kecil Tempat Letak Kenderaan Majlis 1990 sebanyak .....unit
2. Tidak dibenarkan kenderaan diletakkan atau disimpan dibahu-bahu jalan.
3. **Fasad :**
  - i. Fasad bangunan hendaklah mengikut rekabentuk fasad asal
  - ii. Bumbung dengan rekabentuk asal bercerun, cement tile, warna terra cotta
4. **Papan Iklan :**
  - i. Tidak boleh menutupi fasad dan elemen yang bercirikan warisan. Tidak boleh diletakkan di balkoni pintu dan tingkap.
  - ii. Pada bahagian hadapan bangunan hendaklah seragam dan berukuran 1219 mm (4') tinggi dan kelebaran mengikut kelebaran lot.
  - iii. Pada sisi tiang hendaklah seragam dan berukuran 991 mm x 102 mm.
5. **Sistem Hawa Dingin :**
  - i. Sistem hawa dingin tidak boleh diletakkan pada fasad bangunan
6. **Tiang :**
  - i. Tiang bangunan hendaklah dikekalkan.